

Bulletin

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU, UNIVERSITI MALAYA



SSBN 1823-6928

BIL. 23/2019



Integrasi dan Sinergi Sasterawan Negara Dalam Dunia Akademik



Sosio-Budaya Melayu



Bahasa Melayu



Kesusasteraan Melayu



Linguistik Melayu



Kesenian Melayu

**Kongres
Maruah Melayu UM**

**Pameran
Destar Melayu**



AKADEMI PENGAJIAN MELAYU



UNIVERSITI
M ALAYA

Isi Kandungan

Dari Meja Ketua Sidang Pengarang	2
Sidang Pengarang	3
Perutusan Pengarah.....	4
Syaranan Sasterawan Negara.....	5
Bicara Ilmu.....	7
Forum Peranan Wanita Dalam Politik.....	8
Kongres Maruah Melayu Universiti Malaya.....	9
Seminar Naskhah.....	11
Diskusi Buku.....	12
Pameran Tokoh Mohamad Haji Salleh.....	13
Pameran Destar Melayu.....	14
Lawatan Di APM.....	16
Pencapaian/Anugerah Staf APM.....	17
Jalinan Masyarakat.....	18
Hari Interaksi Hati'19.....	19
Malam Tautan Kasih Maltis 2019.....	20
Kenduri Rakyat 2019.....	21
Ilham Seni.....	22
Peristiwa Bergambar.....	23
Temu bual Tokoh : Prof Emeritus Datin Dr. Rahmah Haji Bujang.....	25
Seminar Kerjaya.....	27
MoU/MoA/SEPA.....	28
Program Pertukaran Pelajar (SEPA) Inbound Outbound	29
Keratan Akhbar	31
Senarai Penerbitan 2019.....	32
Konvokesyen 2019.....	34

Dari Meja Ketua Sidang Pengarang

Bismillahirrahmanirrahim.

Syukur ke hadrat Allah SWT, Buletin APM 2019 berjaya diterbitkan pada tahun ini. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua Jawatankuasa Buletin 2019 atas komitmen yang tinggi terhadap penerbitan Buletin APM kali ini. Ianya dilaksanakan dengan penuh amanah dan tanggungjawab.

Sepanjang tahun 2019, pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan di APM.

Buletin ini merupakan laporan ringkas tentang perkembangan yang berlaku di APM pada setiap tahun. Buletin APM 2019 ini turut dimuat naik dalam laman web rasmi APM.

Buletin APM 2019 memberi gambaran tentang pelbagai kejayaan dan aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun tersebut. Pada tahun 2019, APM buat julung-julung kalinya melaksanakan Syarahan Sasterawan Negara Prof Emeritus Dr Muhammad Hj Salleh 2019, Pameran dan Seminar Destar, serta Bengkel Destar. Selain itu, Program lain yang turut dilaksanakan dengan jayanya tahun 2019 ialah Bicara Ilmu Sasterawan Negara, Pameran Sasterawan Negara, Forum Politik Wanita, Kongres Maruah Melayu Universiti Malaya, dan Ilham Seni. Program-program lain yang turut dijalankan setiap tahun seperti Program Khidmat Masyarakat, Pertukaran Pelajar, Diskusi Buku, Wacana Ilmu, Forum, Bengkel, Kolokium, Seminar, Persidangan, Malam Tautan Kasih (MALTIS), Homestay, Jalinan Masyarakat, Latihan Industri juga telah dilaksanakan dengan jayanya.

APM turut menerima Lawatan Sambil Belajar dari pelbagai institusi dan sekolah, sama ada di dalam atau di luar negara. Antaranya adalah dari SMK Dato' Hj. Talib Karim, Melaka; Kolej Vokasional Kuala Kangsar; SMK Raja Muda Musa, Perak; Guangxi University of Science & Technology; Lanzhou, China; Universitas Syiah Kuala, Indonesia; Xichang University & Panzhihua University; SMK Guar Chempedak; dan SMK Serdang, Kedah.

Hubungan APM dengan pihak luar masih turut dijalankan dan diperkuuhkan melalui MoU dengan Beijing Foreign Studies University, Beijing, China; Tianjin Foreign Studies University, China; Guangdong University of Foreign Studies, Guangzhou, China; Universiti Rajabhat, Yala, Thailand; Universiti Andalas, Indonesia, dan Universiti Dayanu Ikhsanuddin, Indonesia. Selai itu, APM turut menjalankan kerjasama dengan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia untuk tempoh tiga tahun, bermula pada tahun 2019.

Akhir kalam, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Sidang Pengarang Buletin APM 2019 dan tahniah terhadap semua sumbangan yang telah menaikkan nama APM. Semoga kejayaan yang dicapai ini akan menjadi inspirasi kepada semua warga APM untuk terus melakar kejayaan dan kegemilangan untuk Pengajian Melayu!

PROF. MADYA DR. SABZALI MUSA KAHN

Ketua Sidang Pengarang / Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Sidang Pengarang

PENASIHAT

Prof. Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid

KETUA SIDANG PENGARANG

Prof. Madya Dr. Sabzali Musa Kahn

EDITOR

Prof. Madya Dr. Sabzali Musa Kahn

SIDANG PENGARANG

Dr. Mardian Shah Omar
Dr. Maizira Abdul Majid
Dr. Nurul Haniza Samsudin
Dr. Eizah Mat Hussain
Encik Mohammad Anis b. Abdul Samad
Encik Ahmad Kamal Alias
Puan Ahna Sum Sum
Puan Nor Azura Taib
Puan Norfazana Muizi
Puan Radziah Abu Nor
Puan Radziyah Sulaiman
Puan Siti Salasiah Mohamed Zakaria
Puan Wan Habsah Wan Ali

GRAFIK DAN SUSUN ATUR

Prof. Madya Dr. Sabzali Musa Kahn
Encik Ricky Issau



Perutusan Pengarah

Bismillahirrahmanirrahim.

Dalam ruang yang diberikan dalam Buletin APM 2019 ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Jawatankuasa Buletin 2019 yang bekerja keras untuk menghasilkan Buletin ini sejak awal tahun sehingga diterbitkan.



Pada tahun 2019, banyak program atau aktiviti yang telah dijalankan di APM. Program ini melibatkan pensyarah, pelajar dan staf sokongan. Antaranya termasuklah Program Khidmat Masyarakat, Diskusi Buku, Wacana Ilmu, Forum, Bengkel, Kolokium, Seminar, Persidangan, Malam Tautan Kasih (MALTIS), Homestay, Jalinan Masyarakat dan Latihan Industri telah dilaksanakan dengan jayanya serta mendapat sambutan yang sangat baik. Program lain yang turut dilaksanakan dengan jayanya tahun 2019 ialah Bicara Ilmu Sasterawan Negara, Pameran Sasterawan Negara, Forum Politik Wanita, Kongres Maruah Melayu Universiti Malaya, dan Ilham Seni.

Pada tahun 2019 ini juga, julung-julung kali Syarahan Sasterawan Negara Profesor Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh 2019 telah dijalankan di APM. Syarahan ini merupakan aktiviti Universiti Malaya yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia telah mendapat sambutan daripada para pelajar dan ahli akademik dari universiti dan institusi luar. Selain itu, Pameran dan Seminar Destar, serta Bengkel Destar juga merupakan aktiviti yang pertama kali diadakan di APM. Program seperti ini menarik perhatian khalayak, seterusnya dapat memperkenal dan memartabatkan lagi khazanah warisan Melayu kita agar terus berkembang sepanjang zaman.

Sepanjang tahun 2019, banyak kerjasama dengan pihak luar masih terus bejalan dengan baik. Antaranya ialah MoU dengan Beijing Foreign Studies University, Beijing, China; Tianjin Foreign Studies University, China; Guangdong University of Foreign Studies, Guangzhou, China; Universiti Rajabhat, Yala, Thailand; Universiti Andalas, Indonesia, dan Universiti Dayanu Ikhsanuddin, Indonesia. MoU dengan Istitut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) turut dilaksanakan, iaitu selama 3 tahun (1999 – 2022).

Pencapaian staf sokongan dan staf akademik sangat membanggakan. Seramai 9 orang staf telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Perkhidmatan Cemerlang peringkat APM. Staf akademik turut terlibat secara aktif dalam pengajaran, penerbitan dan penyelidikan. Tahun ini menyaksikan penerbitan dalam Jurnal SCOPUS dan ISI, serta penyelidikan melalui Geran FRGS, UMRG, dan Geran Khas Buku.

Sekali lagi saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Warga APM. Semoga APM terus memancu ke hadapan dalam dunia Pengajian Melayu, dan terus cemerlang sebagai satu-satunya Akademi Pengajian Melayu di dunia.

PROFESOR DR. PUTERI ROSLINA ABDUL WAHID

Pengarah
Akademi Pengajian Melayu

SYARAHAN SASTERAWAN NEGARA DI UNIVERSITI MALAYA: PROFESOR EMERITUS DR. MUHAMMAD HAJI SALLEH 2019

1. LATAR BELAKANG

Program penempatan Sasterawan Negara di Universiti Awam Sasterawan berdasarkan idea proaktif. Menteri Pendidikan Malaysia, YB. Dr. Mazlee Malik. Program ini merupakan inisiatif Universiti dalam mentransformasikan pendidikan negara. Penglibatan para sasterawan negara dalam Program 'Sasterawan -D- Universiti' diharapkan dapat memberi sumbangan akademik menerusi ilmu yang dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat. Program ini juga akan dapat melengkapkan hasrat Kementerian Pendidikan untuk membina masyarakat yang mempunyai nilai kemanusiaan, kasih sayang, kebahagiaan, hormat-menghormati, dan seterusnya membentuk peradaban bangsa yang jitu.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Pengurusan (Sumber Manusia) pada 12 April 2019 telah meluluskan Garis Panduan Pelantikan Sasterawan Negara ke Jawatan Profesor Adjung di Universiti Malaya bagi menyokong program penempatan Sasterawan Negara di Universiti Awam dalam mentransformasikan pendidikan negara. Seterusnya, Sasterawan Negara Muhammad Haji Salleh telah dilantik ke jawatan tersebut di UM.

Oleh yang demikian, program Syarahan Sasterawan Negara yang akan diadakan ini merupakan antara pengisian kepada program Sasterawan Negara di Universiti Awam.

2. OBJEKTIF

- (1) Menyemarakkan nilai kesusasteraan kepada warga universiti tanpa mengira latar belakang ke tahap tertinggi dengan memperkasa STREAM (Science, Technology, Reading, Engineering, Arts and Maths).
- (2) Mengiktiraf penglibatan sasterawan negara diperingkat Kementerian sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan negara;
- (3) Mewujudkan integrasi dan sinergi antara para sasterawan negara dengan ahli akademik dalam aspek pengajaran dan penyelidikan;
- (4) Menjadi ikon kepada pelajar dengan mencurahkan ilmu, perkongsian pengalaman, khidmat nasihat dan pandangan mereka supaya pelajar berfikiran kreatif dan inovatif.



SYARAHAN SASTERAWAN NEGARA



Bicara Ilmu Sasterawan Negara

Sempena program Bicara Ilmu Sasterawan Negara yang diadakan pada 30 April 2019 di Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu (APM), turut diadakan pameran hasil karya Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh. Lebih 100 buah hasil karya Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh dipamerkan merangkumi pelbagai genre, antaranya puisi, pantun, terjemahan, sejarah, travelog, biografi, transkripsi, kajian, teori dan kritikan sastera.

Selain buku, turut dipamerkan koleksi peribadi beliau antaranya mesin taip, surat teman-teman pengarang, manuskrip tulisan tangan, video, foto, karikatur dan keratan akhbar. Pameran ini diadakan selama seminggu, mulai 30 April hingga 7 Mei 2019, bertempat di Muzium Etnografi Melayu, APM, UM.



Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh
Sasterawan Negara Keenam

PROGRAM BICARA ILMU ASTERAWAN NEGARA

Tarikh : 30 April 2019 (Selasa)

Masa : 9:00 pagi - 12:00 tengah hari

Tempat : Dewan Semarak,

Akademi Pengajian Melayu,

Universiti Malaysia Terengganu



Forum Peranan Wanita Dalam Politik

PENDAHULUAN

Peranan wanita dalam sebuah negara semakin penting. Imej wanita telah bertukar daripada pembuat keputusan dalam keluarga domestik semasa Malaysia mencapai kemerdekaan kepada pembuat keputusan penting dalam negara. Kerajaan memartabatkan wanita melalui polisi 30 peratus wanita dalam pembuat dasar negara. Walau bagaimanapun penglibatan wanita dalam politik masih berkurangan jika dilihat daripada statistik wakil Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat. Persoalan utama ialah apakah bentuk penglibatan wanita dalam politik dan halangan kepada wanita untuk terlibat dalam politik.

OBJEKTIF

Objektif utama Forum ini adalah untuk :

1. Mengenal pasti halangan dan cabaran-cabaran penglibatan wanita dalam politik.
2. Mengenalpasti aspek yang menjadi minat utama dalam penglibatan dalam politik.
3. Menilai penglibatan wanita dalam politik.

JUSTIFIKASI

Forum ini penting bagi:

1. Memberi pendedahan terhadap pentingnya peranan wanita dalam politik semasa.
2. Menjelaskan kepada para peserta isu-isu semasa yang berkaitan penglibatan wanita dalam politik.

PROGRAM

Forum ini melibatkan lima tetamu undangan yang akan dikenalpasti. Pembentang yang akan dikenalpasti terdiri ahli akademik, ahli politik, dan NGO.

AHLI PANEL

1. Yang Berhormat. Dr. Halimah Ali Abdullah - AJK Dewan Muslimat PAS
2. Dr. Fatimi Hanafi - Pusat Pencetus Bakat dan Latihan Industri (CITra)
3. Y.B Young Syefura Othman atau Rara - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ketari
4. Moderator : Prof. Madya. Dr. Hashim Ismail, APM



KONGRES MARUAH MELAYU UNIVERSITI MALAYA

1. PENGENALAN

Cabarani hari ini apabila Melayu tidak lagi menjadi parti yang dominan dalam pentadbiran kerajaan, maka agenda kaum Melayu dan Islam serta Bumiputera dilihat terancam apabila perubahan kepimpinan daripada parti marjoriti berkuasa kepada parti minoriti. Sejak pilihanraya Umum ke-14 lalu perpecahan yang berlaku dalam kalangan umat Melayu semakin melebar. Hak-hak Melayu seperti dalam politik, ekonomi, pendidikan, agama dan budaya tercabar.

Justeru, berdasarkan situasi ini satu gerakan massa ditubuhkan, yang terdiri daripada beberapa tokoh politik, ahli akademik, aktivis budaya, tokoh korporat dan wakil NGO Melayu berbincang bagi melakukan sesuatu demi bangsa dan agama Islam bagi mengemukakan pandangan dalam menyelesaikan isu-isu cabaran politik anak watan. Gerakan massa ini adalah satu kesinambungan daripada perjuangan yang telah sekian lama dibentuk oleh kumpulan terdahulu dalam sejarah perjuangan orang Melayu. Bermula daripada gerakan awal seperti dilakukan oleh Rahim Kajai, Za'ba, parti-parti seperti UMNO, PAS dan pertubuhan-pertubuhan NGO Melayu seperti Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan seumpamanya.

2. TEMA

'Sumpah Anak Watan'

3. JUSTIFIKASI

- 1) Selepas PRU-14, didapati roh Perlembagaan Persekutuan tercabar.
- 2) Akibatnya kepada politik, ekonomi, agama, pendidikan dan budaya turut tergugat.
- 3) Teras Melayu dan Islam mulai terhakis.

4. OBJEKTIF

- 1) Mengenalpasti cabaran-cabaran semasa oleh orang Melayu dalam pendidikan, ekonomi, politik, agama dan budaya yang dihadapi oleh orang Melayu.
- 2) Membincangkan faktor-faktor yang mencetuskan cabaran tersebut.
- 3) Mencadangkan resolusi bagi memantapkan kedudukan orang Melayu dalam politik, ekonomi, pendidikan, agama dan budaya.
- 4) Mendokumentasikan resolusi untuk tindakan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam institusi Melayu.

5. KUMPULAN SASAR

Ahli akademik dan profesional, penyelidik, wakil-wakil daripada institusi-institusi berkaitan Melayu Bumiputera dan Pertubuhan-pertubuhan Melayu serta Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) Melayu, golongan belia, dan semua lapisan masyarakat dalam negara.

6. KAEADAH PELAKSANAAN

1. Perbincangan Meja Bulat dalam semua kluster.
2. Bengkel-bengkel kluster.
3. Mengusulkan resolusi untuk tindakan bersama.
4. Kongres.

KONGRES MARUAH MELAYU UNIVERSITI MALAYA



SIRI SEMINAR NASKHAH MELAYU 2019

Siri Seminar Naskhah Melayu 2019 telah diadakan pada 19 November 2019 yang dibentangkan oleh Encik Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah dan dipengerusikan oleh Profesor Dr. Hashim Ismail dari Jabatan Kesusasteraan Melayu. Majlis ini membicarakan sebuah manuskrip berjudul:

Tuah Hanya di Kaki?: Simbol, Metafora dan Ilmu Peroman Dalam Sebuah Manuskrip Ayam Sabung.

Manuskrip ini mengulas tentang ilmu peroman ayam sabung dengan menonjolkan aspek-aspek kemahiran dan kearifan orang Melayu dalam perkara yang bersabit dengan keupayaan-keupayaan dalam mengklasifikasi ciri-ciri perlakuan dan sifat-sifat ayam sabung.



SIRI DISKUSI BUKU

Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu telah menganjurkan Siri Diskusi Buku sejak tahun 2010 dengan tujuan untuk menyuburkan keintelikualan dalam kalangan warganya dengan mengadakan perbincangan ilmiah berkenaan dengan buku-buku kreatif dan ilmiah yang berada di pasaran

Majlis Diskusi Buku 2019 telah diadakan sebanyak dua siri.

Siri 1 Diskusi Buku 2019

Majlis Diskusi Buku Siri 1 2019 telah dijalankan dengan kerjasama Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu (PKKM) Universiti Malaya pada:

Tarikh : 2 Mei 2019 (Khamis)

Masa : 10.00 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kiambang, APM

Pemakalah 1 : Profesor Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali

Tajuk : KELANTAN-PATTANI Ulama' dan Intelektualisme Melayu Wilayah Timur

Karya : Abdul Razak Mahmud@Ahmad Fathy Al-Fatani

Pemakalah 2 : Profesor Madya Dr. Zahir Ahmad

Tajuk : Sastera Melayu Merentas Zaman

Karya : Pensyarah-pensyarah Jabatan Kesusasteraan Melayu & Pelajar-pelajar Seliaan

Pengerusi : Dr. Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi

Siri 2 Diskusi Buku 2019

Majlis Diskusi Buku Siri 2 2019 telah dijalankan dengan jayanya pada:

Tarikh : 20 November 2019 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kiambang, APM

Pemakalah 1 : Tuan Haji Hamzah Hamdani

Tajuk : Novel Hujan Dinihari

Karya : S M Noor

Pemakalah 2 : Cik Noor Farhah binti Rosly

Tajuk : Psikologi Sufi untuk Transformasi

Karya : Rober Frager (Syekh Ragib Al-Jerahi)

Pengerusi : Dr. Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi

Pameran Tokoh Mohamad Haji Salleh

Pameran "Karya dan Sumbangan Profesor Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh".

Sempena program Bicara Ilmu Sasterawan Negara yang diadakan pada 30 April 2019 di Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu (APM), turut diadakan pameran hasil karya Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh.

Lebih 100 buah hasil karya Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh dipamerkan merangkumi pelbagai genre, antaranya puisi, pantun, terjemahan, sejarah, travelog, biografi, transkripsi, kajian, teori dan kritikan sastera.

Selain buku, turut dipamerkan koleksi peribadi beliau antaranya mesin taip, surat teman-teman pengarang, manuskrip tulisan tangan, video, foto, karikatur dan keratan akhbar.

Pameran bertajuk "Karya dan Sumbangan Profesor Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh" ini diadakan mulai 30 April hingga 24 Mei 2019, bertempat di Muzium Etnografi Melayu, APM, UM.

Selepas Akademi Pengajian Melayu, koleksi yang sama dibawa ke Perpustakaan Peringatan Za'ba, UM, untuk pameran bertajuk "Muhammad Haji Salleh: Pencari dan Pemikir", mulai 31 Julai hingga 31 Ogos 2019.

Mulai 1 Oktober 2019, pameran ini berpindah pula ke Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, dengan tema "National Laureate Muhammad Haji Salleh: In The Garden of Malaysian Literature".



PAMERAN DESTAR MELAYU

Pengenalan

Semua bangsa di dunia ini mempunyai cara dan gaya masing-masing untuk menghias bahagian kepala. Perhiasan kepala boleh dihasilkan dengan pelbagai bahan dan cara, antaranya menggunakan lilitan tali, lipatan kain, anyaman daunan, jahitan kulit binatang dan tempaan logam. Bentuk yang dihasilkan juga berbeza-beza bergantung pada jenis bahan yang digunakan, daya kreativiti dan fungsi sosial sesebuah masyarakat. Pemakaianya pula berfungsi untuk pekerjaan, membuat persembahan, perlindungan diri dan penyataan status sipemakai.

Orang Melayu juga tidak terkecuali, mempunyai cara membuat dan memakai hiasan kepala yang tersendiri. Tanjak, tengkolok, justar, getam, songkok, semutar, kerudung, bulang, segulung, suri, siput, adalah sebahagian nama pakaian atau perhiasan kepala orang Melayu. Pada umumnya, semua jenis hiasan kepala tadi disebut sebagai "destar". Secara ringkas, ada pelbagai jenis hiasan kepala yang dipakai oleh orang Melayu. Setiap satunya adalah unik dari segi nama, reka bentuk, fungsi dan falsafahnya.

Pameran

Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM) telah mengadakan Pameran Destar Melayu, selama 2 bulan, mulai 1 November hingga 31 Disember 2019, bertempat di Muzium Etnografi Melayu. Pameran ini dijayakan dengan kerjasama Akademi Seni Warisan Tradisional Melayu, Persatuan Penggiat Seni Alam Melayu (PERNILAM) dan beberapa pihak lain. Lebih 100 reka bentuk destar, merangkumi pelbagai jenis tanjak, tengkolok, getam, semutar, dan pelbagai hiasan kepala lain berjaya dikumpul dan dipamerkan.

Perasmian

Majlis perasmian pameran telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Kamarul Baharin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia pada 28 November 2019, di Dewan Semarak, APM. Dalam ucapannya, beliau menyokong inisiatif APM menganjurkan Pameran, Bengkel dan Seminar Destar Melayu ini, sebagai satu usaha yang penting bukan sahaja dalam mengekalkan warisan budaya, malah sebagai langkah mendidik masyarakat tentang adab dan tatasusila pemakaian destar yang betul kepada masyarakat umum.

Sementara itu, Profesor Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid, Pengarah APM, menjelaskan tujuan pameran, seminar dan bengkel ini diadakan adalah untuk mendokumentasikan pelbagai jenis destar Melayu, menjalankan penyelidikan khusus tentang destar Melayu, dan melestarikan tradisi pemakaian destar Melayu.



Seminar

Pada tarikh 28 November 2019 juga telah berlangsung Seminar Destar Melayu. Majlis ilmu ini dijayakan oleh ahli akademik dan penggiat seni, yang membincangkan perihal “destar Melayu”. Lebih 120 orang peserta seminar berpeluang mendengar perkongsian ilmu dan pengalaman daripada 8 orang pemakalah yang membicarakan tajuk-tajuk seperti berikut:

- (1) Profesor Dr. Norwani Md. Nawawi (UiTM Shah Alam)
Mengenali Tekstil Tradisional Melayu Dalam Pembuatan Destar
- (2) Profesor Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid (APM, UM)
Selayang Pandang Sosioterminologi Busana Melayu
- (3) Dr. Johan Iskandar (Akademi Seni Tradisional Warisan Melayu) &
En. Fadzil Azwan Mohamad Nan (PERNILAM) Destar Alam Melayu
- (4) En. Nur Afifi Mohamed Taib (UiTM Shah Alam)
Busana Dalam Seni Persembahan
- (5) En. Badrol Hisham Abd. Rahman (Jabatan Muzium Malaysia)
Destar Melayu Dari Perspektif Permuziuman
- (6) En. Abdul Halim Ali (Kraftangan Malaysia Cawangan Sabah)
Tinubau Dan Sigar Dastar
- (7) En. Muhamad Adha bin Abd. Jalil (Sembang Kuala)
Sejarah Dan Martabat Tengkolok Dalam Pemakaian Busana Kesultanan Melayu Perak
- (8) Dr. Indra Utama (UNIMAS) & Prof. Madya Dr. Awang Azman Awang Pawi (APM,UM)
Fungsi Destar Dalam Budaya Minangkabau Di Sumatera Barat

Bengkel

Bagi membuka ruang kepada orang ramai mempelajari seni pembuatan destar, Bengkel Pengenalan Destar, Tanjak & Tengkolok telah diadakan pada 16 November 2019, bertempat di Dewan Angsana, APM. Lebih 60 orang peserta dari serata Semenanjung, Sarawak dan Riau (Indonesia) telah menyertai bengkel ini dengan jayanya.

Pada 21 Disember 2019, Bengkel Pembuatan Getam pula telah diadakan di Dewan Semarak, APM. Dalam bengkel ini para peserta telah mempelajari teknik pembuatan pelbagai jenis getam, antaranya getam budu, getam bunga padi, getam sedaun, getam lantung, getam tanduk, getam penaga, getam sarang tebuhan, getam kuncen dan getam pekasam. Bengkel ini disertai 30 orang peserta, termasuk dari beberapa wilayah negara jiran, antaranya Daik, Lingga, Serdang, Karimun, Pontianak, Batam, Indragiri Hilir dan Rokan Hilir, Riau.



LAWATAN 2019

19 Mac 2019	SMK Dato Hj Talib Karim, Melaka
21 Mac 2019	Kolej Vokasional Kuala Kangsar
17 Julai 2019	SMK Raja Muda Musa, Perak
22 Julai 2019	Guangxi University of Science & Technology
1 Ogos 2019	Lanzhou, China
29 Julai 2019	Universitas Syiah Kuala, Indonesia
23 Ogos 2019	Xichang University & Panzhihua University
19 September 2019	SMK Guar Chempedak
25 September 2019	SMK Serdang, Kedah



Pencapaian Staf Apm

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2019

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU					
	Maklumat Staf	Jabatan/PTJ	Jenis Anugerah	Gambar	
1	MOHAMMAD NAZZRI BIN AHMAD PENSYARAH KANAN D552	JABATAN KESENIAN MELAYU AKADEMI PENGAJIAN MELAYU	APC		
2	MOHD EFFINDI BIN SAMSUDIN PENSYARAH KANAN D552	JABATAN KESENIAN MELAYU AKADEMI PENGAJIAN MELAYU	APC		
3	NORFAZANA BINTI MUZI PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT FA29	PEJABAT PENGARAH AKADEMI PENGAJIAN MELAYU AKADEMI PENGAJIAN MELAYU	APC		
4	SHARIFAH ZAINUN BINTI SYED SAHIL SETIAUSAHA PEJABAT N29	PEJABAT PENGARAH AKADEMI PENGAJIAN MELAYU AKADEMI PENGAJIAN MELAYU	APC		

PENERIMA SIJIL PERKHIDMATAN CEMERLANG (SPC) TAHUN 2019

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU					
	Maklumat Staf	Jabatan/PTJ	Jenis Anugerah	Gambar	
1	AHNA BINTI SUM SUM PEMBANTU TADBIR (P10) N22	PEJABAT PENGARAH AKADEMI PENGAJIAN MELAYU AKADEMI PENGAJIAN MELAYU	SPC		
2	HASMIDAR BINTI HASSAN PENSYARAH KANAN D551	JABATAN LINGUISTIK MELAYU AKADEMI PENGAJIAN MELAYU	SPC		
3	NOOR HASNOOR BINTI MOHAMAD NOR PENSYARAH KANAN D552	JABATAN LINGUISTIK MELAYU AKADEMI PENGAJIAN MELAYU	SPC		
4	RADZIAH BINTI ABU NOR PEMBANTU TADBIR (P10) N22	PEJABAT PENGARAH AKADEMI PENGAJIAN MELAYU AKADEMI PENGAJIAN MELAYU	SPC		
5	ZAMRE BIN ABU HASSAN PENSYARAH D545	JABATAN SOSIO-BUDAYA MELAYU AKADEMI PENGAJIAN MELAYU	SPC		

JALINAN MASYARAKAT 2019

Program Jalinan Masyarakat kali kelima ini melibatkan mahasiswa Akademi Pengajian Melayu yang mengambil Kursus GIG1005 yang dibantu oleh lima orang penyelaras. Program ini telah dilaksanakan di dua lokasi, iaitu Kampung Seri Damai, Kuantan, Pahang dan Kampung Pulau Tiga, Kampung Gajah, Perak. Program Jalinan Masyarakat ini telah berjaya mencapai matlamatnya sebagai sebuah program interaksi antara mahasiswa dengan masyarakat.

Program Jalinan Masyarakat yang diadakan Kampung Pulau Tiga, Perak yang telah diadakan bermula 25 Oktober 2019 hingga 27 Oktober 2019. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Shahruddin Md Salleh, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan disertai oleh penduduk Kampung Pulau Tiga, Kampung Gajah dan 83 orang pelajar dari Akademi Pengajian Melayu. Program Jalinan Masyarakat dipenuhi dengan pelbagai aktiviti, iaitu program anak angkat, program sukaneka bersama masyarakat, malam santai mesra, hiking di Cangkat Lada, program keagamaan dan sebagainya. Satu acara yang paling menarik ialah pelajar mempersembahkan teater Puteri Limau Purut yang merupakan salah satu kisah puteri yang terdapat di Kampung Pulau Tiga.

Program Jalinan Masyarakat yang kedua telah dilaksanakan di Kampung Seri Damai, Kuantan Pahang selama tiga hari dua malam bermula 31 Oktober 2019 sehingga 2 November 2019. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Khairuddin Mahmud, Adun Pulau Manis, Pekan, Pahang yang turut dihadiri penduduk kampung dan 84 orang pelajar Akademi Pengajian Melayu. Sepanjang program ini berlangsung banyak aktiviti yang telah Berjaya dilaksanakan, iaitu program anak angkat, gotong royong, sukaneka bersama masyarakat, program keagamaan, melawat produk-produk kampung seperti tanaman jagung, pengusaha cendawan, pengusaha udang air tawar, pengusaha tauge dan kenduri rakyat secara gotong royong.

Program ini telah berjaya mendedahkan kepada mahasiswa mengenai jalinan masyarakat dan peranan mereka dalam membantu secara sukarelawan dengan masyarakat. Selain itu, program Jalinan Masyarakat memberi peluang kepada mahasiswa untuk mempelajari, mengalami dan memahami budaya masyarakat setempat yang mampu melahirkan mahasiswa yang bersikap kemasyarakatan serta hubungan silaturrahim, kepimpinan berkesan dan pemindahan ilmu yang dipelajari di universiti dapat dijalankan bersama-sama masyarakat.



HARI INTERAKSI HATI 19



Malam Tautan Kasih Maltis 2019

Malam Tautan Kasih 2019 (MALTIS 2019) merupakan satu program tahunan bagi semua mahasiswa dan mahasiswi Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya. Pada tahun ini juga, Persatuan Mahasiswa Akademi Pengajian Melayu akan menganjurkan acara tradisi APM ini dengan melibatkan seluruh mahasiswa dan kakitangan APM yang telah banyak menyumbangkan tenaga dalam mengharumkan nama APM. MALTIS 2019 pada kali ini bertemakan "Graduan APM Tunjng Kepimpinan Masa Depan". Selain itu, program ini berkonsepkan malam aspersiasi bagi para pelajar yang telah berjasa dan mengangkat nama APM di mata masyarakat luar tidak kira sama ada dalam bidang akademik maupun ko-kurikulum. MALTIS 2019 juga prihatin terhadap para pelajar yang kurang berasib baik. Justeru, bagi menjadikan program ini lebih bermakna, pelancaran tabung amal "Kami Hulurkan Kasih" akan dilancarkan.

Seterusnya, program ini mengandungi pelbagai persembahan kesenian dan kebudayaan Melayu yang akan dijayakan oleh pelajar APM sendiri. Perkara ini juga selaras dengan nama majlis yang akan dianjurkan, iaitu MALTIS yang membawa maksud 'Malam Tautan Kasih' sebagai menginterpretasi hubungan dan jalinan yang sedia ada mahupun ukhuwah dengan alumni APM yang ada di luar sana. Selain itu, jalinan yang tercipta pada malam tautan kasih ini pasti membawaikan satu kenangan yang terindah bagi bakal graduan APM.

Dalam majlis ini para graduan juga boleh mengambil peluang untuk menunjukkan penghargaan mereka kepada pensyarah. Majlis ini juga diharapkan dapat mengeratkan lagi hubungan sesama mahasiswa, para pensyarah dan pihak pentadbiran dan juga alumni-alumni yang telah berbakti pada Akademi Pengajian Melayu. Selain itu, program ini juga bertujuan mengumpul dana bagi membantu para pelajar yang kurang berasib baik dan yang memerlukan bantuan di APM.



Kenduri Rakyat 2019

Kenduri Rakyat Sesi 2018/2019 merupakan projek kali ke-8 yang diadakan selepas mendapat sambutan yang menggalakkan pada tahun-tahun sebelumnya. Program ini melibatkan semua warga APM termasuk mahasiswa, kakitangan akademik dan kakitangan sokongan. Program ini melibatkan aktiviti gotong-royong dalam menyediakan makanan yang dihidangkan termasuklah aktiviti rewang yang akan mewujudkan suasana kenduri seperti di kawasan kampung yang akan memberi impak positif dalam kalangan mahasiswa di samping pengalaman dalam menguruskan sesuatu majlis.

Program Kenduri Rakyat ini telah berlangsung dengan meriah pada 3 Mei 2019 di Akademi Pengajian Melayu bertemakan "Citra Batik Karisma Warisan Melayu". Persiapan dan perancangan telah dimulakan sebulan sebelum program, termasuklah permohonan dana, pemilihan menu, pengagihan tugas sehingga kerja-kerja gotong-royong dan rewang. Program ini dilihat sebagai satu program unik yang dapat meningkatkan martabat Akademi Pengajian Melayu, di samping mengeratkan ukhwah antara mahasiswa dan kakitangan akademik serta kakitangan sokongan. Apa yang lebih penting adalah kerana ianya dapat memberi pendedahan kepada mahasiswa dalam kemahiran interpersonal dan berorganisasi, sekaligus meningkatkan kredibiliti mereka untuk menghadapi bidang kerjaya mereka pada masa hadapan.



ILHAM SENI 2019

Pameran Ilham Seni 2018/2019 anjuran Jabatan Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu telah diadakan pada 2 - 3 Mei 2019 di Akademi Pengajian Melayu. Nama Ilham Seni diberikan sempena perkembangan minda dalam memperagakan karya yang melibatkan pelbagai aspek kesenian. Ilham Seni XVI ini merupakan kesinambungan daripada pameran seni yang telah diadakan sejak sesi 2006/2007. Nombor siri yang digunakan adalah berterusan, berdasarkan aspirasi yang berkesinambungan.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk mempamerkan karya kreatif para pelajar berteraskan falsafah kesenian Melayu yang mencerminkan budayanya, menyediakan platform bagi memperagakan karya kreativiti pelajar Jabatan Kesenian Melayu, Akademi Pengajian Melayu dalam pelbagai aspek, menilai karya seni pelajar bagi mengukur tahap pencapaian berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pensyarah kursus dan memberi satu bentuk hebahan umum berkenaan aktiviti dan kurikulum di Jabatan Kesenian Melayu khasnya dan Akademi Pengajian Melayu amnya. Kursus-kursus yang terlibat adalah JIA3013 Pemasaran Produk Seni, JIA1003 Lukisan dan JIA1004 Fotografi Digital.


Tema pameran adalah berdasarkan teras kemelayuan dan falsafah keseniannya. Untuk kali ini, Ilham Seni XVI bertemakan “GEMILANG SENI WARISAN MELAYU SEPANJANG ZAMAN” yang mensasarkan aspek kesenian warisan Melayu dalam kalangan pelajar, melalui apa jua aspek kesenian, sama ada dalam bentuk pengkaryaan, persembahan, pemasaran, pengurusan dan perkembangan keilmuan.

Aktiviti pameran telah diadakan di Dewan Angsana dan gerai jualan hasil seni diadakan di foyer Akademi Pengajian Melayu. Pengarah APM telah merasmikan program tersebut dan majlis ini telah diserikan dengan persembahan lagu instrumental oleh Dr. Lawrence, serta persembahan tarian tradisional, pertunjukan lukisan kontemporari dan caklempong oleh pelajar.

Program ini terlaksana dengan jayanya dan telah membuktikan pelajar-pelajar jabatan khususnya di Jabatan Kesenian Melayu mempunyai bakat, komitmen dan usaha tanpa jemu bagi menjayakan program ini.



Peristiwa Bergambar : Latihan Pengungsian



Peristiwa Bergambar: Majlis Buka Puasa



Temu bual tokoh :

Profesor Emeritus Datin Dr. Rahmah Haji Bujang

Profesor Emeritus Datin Dr. Rahmah Haji Bujang mula berkhidmat di Jabatan Pengajian Melayu (JPM) pada tahun 1969. Ketokohan Prof. Rahmah terserlah dalam bidang kesenian Melayu, khususnya seni persembahan. Beliau bersara pada 2003, tetapi masih terus berkhidmat sebagai Profesor di APM sehingga 2015. Sepanjang perkhidmatan beliau, banyak jasa dan bakti yang telah dicurahkan bagi membantu menaikkan nama APM di persada dunia. Atas ketohan dan segala sumbangan beliau, Universiti Malaya telah menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus pada tahun 2015. Bagi mengingati jasa-jasa beliau, APM telah menerbitkan buku khas sempena persaraan beliau berjudul "Tirai Kasih Pentas Budi", terbitan bersama Akademi Pengajian Melayu (APM) dan Institut Terjemahan Bahasa Melayu (ITBM).

Pada 24 Jun 2019, satu ziarah telah diadakan ke kediaman YBhg. Profesor Emeritus Datin Dr. Rahmah Haji Bujang, di Jalan Bukit, Petaling Jaya. Tujuan utama ziarah ini untuk menyerahkan festschrift berjudul Tirai Kasih Pentas Budi: Dedikasi Istimewa Untuk Profesor Emeritus Datin Dr. Rahmah Haji Bujang, oleh Dr. Mohammad Nazzri Ahmad, Ketua Jabatan Kesenian dan Sosio-Budaya Melayu, APM. Prof. Rahmah sewaktu menerima naskhah ini mengucapkan terima kasih kepada semua yang menyumbang dalam penerbitan ini.

Seterusnya, Ahli Jawatankuasa Buletin APM yang bersama dalam ziarah ini mengambil kesempatan bertanyakan khabar Prof. Rahmah untuk dimuatkan dalam buletin yang terkini. Sambil menjamu kami dengan hidangan daripada air tangan beliau sendiri, Prof. Rahmah menjelaskan tiada perkembangan terkini berkaitan bidang akademik atau seni yang hendak beliau diceritakan buat masa ini. Sungguhpun begitu, beliau mengakui hidupnya kini lebih tenang dan bahagia dengan mengisi masa mengikuti pengajian al-Quran di pondok pengajian yang diasaskan oleh beliau sendiri di pekan Morib. Pengajian secara bersanad yang bersambung terus kepada Rasulullah SAW ini dikendalikan oleh Shiekh Abdelaziz Osama Al-Azhari, yang didatangkan khas dari Mesir. Tambah beliau lagi, dengan cara ini, peserta dapat mempelajari al-Quran secara lebih mendalam, bukan sahaja dari segi bacaan, malah dapat juga memberikan tumpuan memahami makna dan cerita disebalik ayat-ayat suci yang dipelajari.

"Semasa bekerja dahulu, saya sibuk dengan pelbagai urusan kerja seperti menyampaikan kuliah, menyelia pelajar, menulis artikel dan pelbagai urusan pentadbiran di universiti. Apabila berpeluang mendekatkan diri dengan al-Quran seperti sekarang ini, tentulah perasaan saya merasa lebih tenang, aman dan bahagia".


Apabila ditanya adakah Prof. akan kembali aktif dalam bidang teater seperti dulu, sambil menguntumkan senyuman beliau berkata, "boleh juga kalau ada peluang yang sesuai, seperti menulis skrip bertemakan agama, contohnya.. Tapi kalau boleh saya ingin terus mengisi masa saya dengan pengajian agama seperti sekarang ini, dan memperbanyakkan amal ibadat, sebagai bekal dan persiapan hari-hari mendatang".

Selain AJK Buletin APM, turut bersama dalam ziarah ini ialah Puan Zanariah Saipi Udin dan Puan Siti Mawarni Salim, Pustakawan, Perpustakaan Universiti Malaya. Keduanya membawa hasrat piyah pengurusan Perpustakaan UM untuk menemubual Prof. Rahmah untuk projek Oral History UM, sebuah projek yang berusaha merekodkan maklumat sejarah Universiti Malaya daripada kakitangan yang telah berkhidmat di UM.

Temu bual tokoh : Profesor Emeritus Datin Dr. Rahmah Haji Bujang



Gambar kenangan AJK Buletin bersama Prof. Emeritus Datin Dr. Rahmah Haji Bujang pada pertemuan 24 Jun 2019



Buku Tirai Kasih Pentas Budi: Dedikasi Istimewa Untuk Profesor Emeritus Datin Dr. Rahmah Haji Bujang.



Gambar kenangan Prof. Rahmah semasa menerima sijil pengajian yang beliau ikuti baru-baru ini (Sumber foto - FB Prof Rahmah Bujang).



Profesor Emeritus Datin Dr. Rahmah Haji Bujang menerima hadiah dari Ketua Jabatan Sosial Budaya dan Kesenian Melayu, APM.



Sesi bergambar dengan Profesor Emeritus Datin Dr. Rahmah Haji Bujang



Profesor Emeritus Datin Dr. Rahmah Haji Bujang, Jasamu dikenang.

Seminar Kerjaya



Perjanjian MoU/MoA Akademi Pengajian Melayu

1. Akademi Pengajian Melayu telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) bersama-sama Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM). Perjanjian untuk tempoh tiga (3) tahun. Mulai 23 Januari 2019 – 22 Januari 2022.

Perjanjian ini dimeterai antara kedua-dua belah pihak bagi maksud untuk menerbitkan buku-buku berikut:

- a. Konsep Sosiologi Kenegaraan
- b. Dekonstruksi Identiti dalam Teks Melayu
- c. Pengajaran Bahasa, Budaya dan Pendidikan
- d. Transformasi Pengajian Melayu dalam Era Generasi Z
- e. Wacana Lisan Perspektif Undang-undang
- f. Tirai Kasih Pentas Budi
- g. Menelusuri Pengajian Melayu
- h. Simbol dan Makna dalam Pantun Melayu
- i. Pembelajaran Bahasa Kanak-kanak M=Pemulihan Khas

(Semua buku telah berjaya diterbitkan.)

2. Akademi Pengajian Melayu telah menandatangani Perjanjian Persefahaman bersama Universitas Andalas (UNAND), Padang Sumatera Barat, Indonesia. Perjanjian untuk tempoh lima (5) tahun mulai 6 September 2019 – 5 September 2024.

Perjanjian ini dimeterai antara kedua-dua belah pihak bagi maksud menyediakan rangka kerja ke arah kerjasama dalam bidang penyelidikan dan penganjuran seminar. Kedua-dua belah pihak juga bersetuju untuk bekerjasama dalam bidang penyelidikan dan penganjuran seminar.

3. Akademi Pengajian Melayu juga sedang dalam proses menandatangani Perjanjian Persefahaman bersama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia).

Antara objektif perjanjian ialah:

Penyelidikan dan Konsultansi
Pengajaran dan Pembelajaran
Pelajar Latihan Industri
Perkongsian Kepakaran

4. Akademi Pengajian Melayu juga sedang dalam proses perbincangan untuk menandatangani Perjanjian Persefahaman bersama Hezhou University, China. Masih dalam proses perbincangan. Antara objektif ialah:

Membuka Pusat Pengajian Bahasa Melayu dan Kebudayaan Melayu Pertukaran Pelajar dan Pensyarah.

Aktiviti Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Jan 2019 – Disember 2019

1. 21.2.2019 – Taklimat oleh Profesor Dr Ainin Sulaiman berkaitan permohonan Geran FRGS di Bilik Mesyuarat Kiambang, APM.
2. 23.8.2019 – Lawatan Xichang University , China dan Panzhihua University, China di Bilik Mesyuarat Kiambang, APM.
3. 5.9.2019 – Bengkel Penerbitan Jurnal Komunikasi/Scopus/Jurnal Berwasit oleh Profesor Madya Dr Normah Mustaffa daripada Universiti Kebangsaan Malaysia, di Bilik Mesyuarat Kiambang, APM.
4. 1.11.2019 – 31.12.2019 – Pameran Destar Melayu bertempat di Muzium Etnografi, Akademi Pengajian Melayu.
5. 16.11.2019 – Bengkel pembuatan tanjak dikelolakan oleh Akademi Seni Tradisional Warisan Melayu dan Persatuan Penggiat Seni dan Alam Melayu (PERNILAM). Seramai 50 orang telah mengambil bahagian dalam bengkel yang telah diadakan di Dewan Angsana, APM.
6. 26.11.2019 – Syarahan Sasterawan “Seorang Penyair Merenung Zaman” oleh Profesor Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh di Dewan Semarak, APM.
7. 28.11.2019 – Majlis Perasmian Pameran dan Seminar Destar Melayu di Dewan Semarak, APM. Majlis dirasmikan oleh Ybhg Datuk Kamarul Baharin A. Kasim, Ketua Pengarah, Jabatan Muzium Malaysia.

Program Pertukaran Pelajar (SEPA) Inbound - Outbound

Program Pertukaran Pelajar (SEPA) - Inbound

1. Seramai 4 orang pelajar daripada Tokyo University of Foreign Studies terlibat dengan program pertukaran pelajar untuk sesi 2018 / 2019.
2. Seramai 117 orang pelajar daripada Guangxi University For Nationalities terlibat dengan program pertukaran pelajar untuk sesi 2018 / 2019.
3. Seramai 4 orang pelajar daripada Hankuk University Of Foreign Studies, Korea terlibat dengan program pertukaran pelajar untuk sesi 2019 / 2020.
4. Seramai 1 orang pelajar daripada Konstanz University Of Applied Sciences, Germany terlibat dengan program pertukaran pelajar untuk sesi 2019 / 2020.
5. Seramai 4 orang pelajar daripada Universiti Brunei Darussalam terlibat dengan program pertukaran pelajar untuk sesi 2019 / 2020.
6. Seramai 1 orang pelajar daripada Waseda University, Japan terlibat dengan program pertukaran pelajar untuk sesi 2019 / 2020.
7. Seramai 4 orang pelajar daripada Universitas Ahmad Dahlan, INDONESIA terlibat dengan program pertukaran pelajar untuk sesi 2019 / 2020.
8. Seramai 10 orang pelajar daripada Universitas Sebelas Maret, Indonesia telah terlibat dengan program pertukaran pelajar untuk tempoh 17 September 2019 -16 Oktober 2019.

Program Pertukaran Pelajar (SEPA) – Outbound

1. Seramai 31 orang pelajar APM telah terlibat dengan program pertukaran pelajar ke Thaksin University, Thailand untuk tempoh 27 Ogos 2019 - 2 September 2019.
2. Seramai 14 orang pelajar APM telah terlibat dengan program pertukaran pelajar ke Universitas Sebelas Maret, Indonesia untuk tempoh 5 -18 November 2019.



Program Pertukaran Pelajar (SEPA) Inbound - Outbound



KERATAN AKHBAR

KHAMIS, 29 OGOS 2019

BH KHAMIS, 29 OGOS 2019

69

Sastera&Budaya

Pengenalan semula tulisan Jawi bukan belajar Islam

Ia bermaksud pelajari sistem aksara digunakan dalam sejarah bahasa Melayu

Oleh Hafizah Iszahand
hafiza@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peralihan tulisan Jawi ke rumi sekitar 1950-an bertujuan memudahkan usaha masyarakat bukan Melayu memahami bahasa Melayu dalam agenda membangun perpaduan nasional.

Malangnya, tindakan itu menyengkirkan tulisan berkenaan dalam sistem pendidikan kebangsaan.

Pengarah Pusat Kecemerlangan Melayu, Akademi Pengajaran Melayu (APM), Universiti Malaya (UM), Prof Dr Hashim Ismail, berkata Angkatan Sasterawan 1950 (ASAS 30) di Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ke-2 pada 1954, mendesak tulisan rumi menggantikan Jawi secara rasmi dengan

syarat tulisan itu tidak dihentikan penggunaannya.

Hal itu dibuat atas dasar bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, tetapi peralihan itu perlahan-lahan meninggikirkan kedudukan tulisan Jawi sebagai wadah pengajaran ilmu Melayu, sekaligus gus secara tidak langsung menghambat sistem pendidikan kebangsaan.

"Ketika itu antara fokus perlajar Jawi ke rumi adalah untuk membentuk masyarakat bersatu-padu sejarah dengan idea kebangsaan yang wujud sebelum zaman perang lagi."

"Isu perpaduan antara kaum dilihat akan mudah dibuat menerusi tulisan rumi. Bagaimanapun, tindakan itu dikesali beberapa tokoh yang memperjuangkannya sejak 1980-an lagi apabila perlahan-lahan ia menyebabkan Jawi terpinggir," katanya.

Hashim berkata, meskipun terdapat usaha memartabatkan Jawi dibuat pelbagai pihak, termasuk ahli politik dan ada akhbar Jawi diterbitkan, ia masih gagal memartabatkan tulisan berkenaan kerana tidak disambut kerajaan ketika itu.

Justeru bellau melihat hasrat kerajaan memperkenalkan kem-



Dr Hashim berpendapat Kementerian Pendidikan perlu memberi penekanan kepada sejarah tulisan atau kaligrafi Jawi.

bal tulisan Jawi adalah baik, tetapi Kementerian Pendidikan perlu memberi penekanan kepada sejarah tulisan atau kaligrafi Jawi.

"Semua bangsa dan bahasa mempunyai sistem kaligrafinya, termasuk bahasa Melayu yang sejarah tulisannya mempunyai tradisi peradaban panjang."

"Sebelum tulisan Jawi, bahasa Melayu sudah menggunakan kaligrafi Palava, huruf Kawi dan tu-

lum sejak abad kedua Masihil merupakan prasasti tinggalan Kerajaan Sriwijaya yang ketika itu sistem tulisannya ialah palava klasik.

Di Tanah Melayu pada 1303, prasasti tulisan Jawi ditemui di Terengganu, tetapi di alam Melayu keseluruhannya sudah dapat dikesan banyak prasasti dengan campuran tulisan Arab dan pada lava sejak kemasukan Islam."

"Kedatangan Islam kemudiannya mempengaruhi sistem tulisan bahasa Melayu yang belum dibuktikan dengan tinggalan prasasti dan batu nisan yang mengguna-

kan tulisan Jawi di Pasai pada abad ke-13."

"Sistem tulisan rumi hanya muncul pada abad ke-19 dibawa kolonial yang dilihat ketika itu melihatnya sebagai wahana yang

mampu menyebarkan ilmu dengan lebih mudah, malahan mudah untuk penutur asing," kata-

nya.

Tegas Hashim, dasar yang di-

benarnya meninggalkan kesan yang bukan sedikit kepada orang Melayu khususnya dan pengajian Melayu amnya.

Beliau berkata, ramai graduan pengajian Melayu yang tidak dapat membaca Jawi dengan baik yang menyebabkan ilmu Melayu tersandai dalam bentuk manuskrip sahaja.

"Contohnya paling mudah dalam kajian sastera moden, kebanyakannya novel terbitan 1930-an, 1940-an dan 1950-an yang masih menggunakan sistem tulisan Jawi tetapi kurang dikenali sarjana kerana tidak mampu membacanya."

"Beliau juga manuskrip Melayu lama yang tersimpan di mercatapustakaan di dunia yang masih tidak dikaji yang amat rugikan sedangkan semua itu adalah ilmu," katanya.

Hashim berkata, antara dilema yang pernah dihadapi UM adalah jalur kelas pengajian filologi yang ditawarkan Akademi Pengajaran Melayu (APM) tidak mendapat sambutan.

tindakan itu dikesalih beberapa tokoh yang memperjuangkannya sejak 1980-an lagi apabila perlahan-lahan ia menyebabkan Jawi terpinggir," katanya.

Tegas Hashim,

tulisan Jawi bukan bermaksud be-

lajar Islam, tetapi belajar sistem

aksara atau kaligrafi yang digunakan pada perkembangan seja-

rah bahasa Melayu.

Ini disebabkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa ke-

bangsaan, selain bahasa utama di

alam Melayu.

Justeru bellau melihat hasrat

kerajaan memperkenalkan kem-

bahasa Melayu yang boleh dibuk-

tikan dengan tinggalan prasasti

dan batu nisan yang mengguna-

kan tulisan Jawi di Pasai pada

abad ke-13.

"Sistem tulisan rumi hanya

muncul pada abad ke-19 dibawa

kolonial yang dilihat ketika itu

melihatnya sebagai wahana yang

mampu menyebarkan ilmu de-

ngan lebih mudah, malahan mud-





ah untuk penutur asing," kata-

nya.





Tegas Hashim, dasar yang di-

buat bermula pada 1950-an itu se-

SENARAI PENERBITAN 2019



SENARAI PENERBITAN 2019



KONVOKESYEN 2019

Tahniah diucapkan kepada para graduan Akademi Pengajian Melayu yang telah berjaya menamatkan pengajian dan dianugerahkan skrol pada tahun ini. Istimadat konvokesyen 2019 telah menyerlahkan APM sebagai salah satu PTJ yang menghasilkan graduan yang berkualiber dan bermutu tinggi yang memiliki ciri-ciri yang diperlukan dalam pasaran kerja pada hari ini serta dapat dibanggakan oleh masyarakat pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada sesi ini, seramai 22 orang graduan pada peringkat Ijazah Sarjana Muda, 30 orang pada peringkat Ijazah Sarjana dan 11 orang pada peringkat Doktor Falsafah (Ph.D).

Pecahan bilangan graduan Ijazah Sarjana Muda mengikut program adalah Sarjana Muda Bahasa Melayu seramai 6 orang, Sarjana Muda Sosio-Budaya Melayu seramai 4 orang, Sarjana Muda Linguistik Melayu seramai 6 orang, Sarjana Muda Kesenian Melayu seramai 4 orang dan Sarjana Muda Kesusasteraan Melayu seramai 2 orang.

Pada peringkat Ijazah Sarjana pula, 5 graduan untuk Sarjana Pengajian Melayu (Disertasi), dan 25 orang graduan untuk Sarjana Sastera Pengajian Melayu (Kursus Sepenuhnya).

Senarai penerima Hadiah Buku Universiti adalah Maizatul Akmal binti Mohd Jamil dari program Sarjana Muda Sosio-Budaya Melayu. Beliau turut menerima Hadiah Buku Cikgu Haji Osman Hassan dan Pingat Emas Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB).



Penghargaan



Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam
penerbitan Buletin APM 2019.

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
50603 KUALA LUMPUR.
TEL: 03- 79677200
FAKS: 03-79677214 / 7266
LAMAN SESAWANG: <http://apm.um.edu.my/>
EMEL: apm@um.edu.my